

PERALIHAN VOKAL /i/, /o/ DAN /a/ DALAM DIALEK MELAKA

(The shift of vowels /i/, /o/ and /a/ in Malacca Dialect)

Nursuhada Saufi, Ummielmassyuria Zulkipli, Nurul Zafirah Amran, Amirah Ayuni Muslim
& Farah Nur Amira Hasmat

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan peralihan vokal dialek Melayu Melaka di kawasan Kampung Sungai Kertah, Pengkalan Balak. Data diperolehi daripada sesi temu bual bersama tiga orang informan. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan kerangka teori Struktural. Dalam bahasa Melayu, terdapat dua proses peralihan vokal yang penting melibatkan perendahan vokal dan peninggian vokal. Proses perendahan dan peninggian vokal dari aspek fonologi tidak begitu dihiraukan atau kurang diberikan perhatian untuk dibincangkan secara mendalam dalam dialek Melayu Melaka (DMM). Justeru, dalam penulisan ini memfokuskan tentang tiga proses peralihan yang berlaku dalam dialek ini iaitu perendahan vokal, peninggian vokal dan perubahan kepada vokal tengah. Hasil analisis yang telah dilakukan menunjukkan vokal depan tinggi /i/ mengalami proses perendahan vokal menjadi /e/. Proses peninggian vokal belakang separuh tinggi /o/ menjadi vokal tinggi /u/ manakala vokal depan rendah /a/ berubah menjadi vokal tengah /ə/ atau vokal schwa. Kesan daripada proses perendahan, peninggian dan vokal tengah ini, menyebabkan terdapat beberapa perbezaan bunyi yang berlaku dalam DMM semasa bertutur namun masih juga mengekalkan sebutan dialek Melayu seperti Bahasa Melayu Standard. Secara keseluruhannya, peralihan vokal dalam DMM mampu menjadi satu kajian baharu oleh pengkaji dan menghuraikan proses peralihan yang berlaku dalam DMM secara berpada.

Kata kunci: dialek Melaka, peralihan, peninggian vokal, perendahan vokal, vokal tengah.

ABSTRACT

This study discusses the shift of vowels in Malacca Dialect of Malay in Kampung Sungai Kertah, Pengkalan Balak. Data obtained from the interview sessions where three informants were interviewed. All data that found analyses by Structural Concept. In the Malay language, there are two important vocal transition process involves humiliation and exaltation vocals. The process of humiliation and exaltation vocals from phonology aspects are not so ignored or given less attention to be discussed in depth in the Malacca Malay dialect (DMM). Thus, in this paper focuses on three transition process that occurs in this dialect of humiliation vocal, vocal enhancement and changes to the vocal middle. The results of the analysis show high front vowel / i / to undergo a process of humiliation vowel/ e /. Behind peaking middle vowel

/ o / a high vowel / u /, while a front vowel / a / is transformed into vowel / ə / or vocal schwa. The effect of the humiliation, exaltation and vocal middle of this, there are some differences cause noise that occurs in the current DMM speak but still retained the Malay dialects such as Malay Standard. Overall, transition vowel in DMM is capable of being a new study by researchers and describe the transition process that occurs in DMM is not unreasonable.

Keywords: Malacca Dialect, shift, humiliation vocal, exaltation vocal, middle vocal

PENGENALAN

Melaka amat dikenali kerana keunikan sejarahnya. Sejarah Melaka bermula dengan pengasasan Kesultanan Melaka oleh Parameswara, seorang bangsawan Srivijaya dari Palembang pada tahun antara 1400 hingga 1403. Kesultanan Melaka ini memerintah selama 110 tahun sebelum tumpas ke tangan penjajah Portugis pada tahun 1511. Walaupun merupakan negeri pertama mengasaskan Kesultanan Melayu namun Melaka kini tidak mempunyai seorang Sultan, sebaliknya diketuai oleh seorang Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertuan Negeri. Kini, negeri Melaka dikenali sebagai Melaka Negeri Bersejarah. Pada tahun 2008 Melaka diisytiharkan oleh UNESCO sebagai Bandar Warisan Dunia (World Heritage). Negeri Melaka terletak di pantai barat daya Semenanjung Malaysia. Berkeluasan 1650 kilometer persegi, ia bersempadankan Negeri Sembilan di utara dan Johor di timur. Kedudukan Melaka sebagai negeri keempat terkecil di Malaysia (tangga ke-11 daripada 14 negeri).

Ibu negerinya Bandaraya Melaka. Bandar-bandar utama selain Bandaraya Melaka ialah Alor Gajah, Jasin, Merlimau, Tampin, Ayer Keroh, Asahan dan Masjid Tanah. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia Julai 2016, jumlah penduduk di Melaka seramai 750 000 orang. Penduduk-penduduk negeri Melaka terdiri daripada kaum majoritinya Melayu sebanyak 67 %, Cina dan Peranakan Baba dan Nyonya 26%, India dan segolongan kecil bangsa Chetti 6% dan bangsa lain seperti bangsa Serani sebanyak 1 % sahaja. Walaupun wujud pelbagai bangsa dan bahasa di Melaka namun bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur yang paling ramai berbanding dengan penutur dialek Melayu Melaka. DMM adalah salah satu daripada dialek Melayu yang terdapat di Malaysia dan hanya terdapat di negeri Melaka yang menunjukkan perhubungan kekeluargaan yang dekat dengan bahasa Melayu seluruhnya kerana terdapat banyak ciri persamaan di antara kedua-duanya seperti dialek Melayu di Sarawak (Madzhi 1998).

Dialek Melaka sangat kurang dikaji kerana banyak persamaan cirinya dengan bahasa Melayu Standard dan dialek negeri yang bersebelahan seperti Negeri Sembilan dan Johor. Namun begitu, tidak dapat dinafikan masih wujud dialek Melaka yang dituturkan oleh penduduk natif di beberapa kawasan Melaka Tengah terutamanya di Alor Gajah, Merlimau dan Jasin. (Mengantar Simanjuntak dan Ramli Salleh, 1980). Mukim di Alor Gajah ialah Masjid Tanah. Di Masjid Tanah terdapat pantai berdekatan dengan Pengkalan Balak antaranya Tanjung Bidara dan Kuala Sungai Baru. Pengkalan Balak merupakan sebuah pekan lama di negeri Melaka. Pengkalan Balak juga menjadi tempat peranginan masyarakat tempatan termasuk dari luar negara kerana keindahan pantainya. Oleh sebab itu, Pengkalan Balak turut

terkenal di negeri Melaka sebagai sebuah pusat pelancongan yang terkenal.

Di Pengkalan Balak mempunyai banyak kampung-kampung yang didiami oleh orang Melayu. Antara kampung yang berhampiran ialah kampung Padang Kemunting, kampung Padang Dekat, kampung Solok Dekat, kampung Solok Jauh, kampung Sungai Kertah dan sebagainya. Kampung-kampung berkenaan terletak saling berhampiran dan tidak terlalu jauh jaraknya. Terdapat beberapa kampung yang hanya dipisahkan dengan sebatang jalan raya sahaja misalnya Kampung Sungai Kertah dengan Kampung Hailam. Masyarakat kampung di sekitar Pengkalan Balak hidup dengan aman damai. Kawasan kampung yang berdekatan dengan pantai juga turut menjadi sumber atau punca pendapatan kepada penduduk kampung untuk berniaga dan membuka perusahaan seperti rumah penginapan, kedai makan dan sebagainya.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya mendapatkan data di kampung Sungai Kertah sahaja. Kampung Sungai Kertah telah wujud hampir lebih 80 tahun lamanya. Menurut penduduk kampung, kewujudan nama kampung ini muncul daripada beberapa pandangan antaranya terdapat banyak pokok getah yang dibawa masuk oleh pedagang dari luar dan pendapat lain mengatakan bahawa nama kampung Sungai Kertah ini berasal daripada bunyi 'ketam' kerana terdapat banyak ketam yang ditemui di pantai berhampiran dengan laut di Pengkalan Balak. Penduduk di kampung Sungai Kertah ini juga dikatakan cuma seramai 100 lebih orang sahaja yang tinggal kerana telah ramai yang telah berhijrah ke luar kawasan. Malahan, penduduk di Kampung Sungai Kertah ini kebanyakannya terdiri daripada golongan berumur iaitu generasi yang memang asalnya dilahirkan dan dibesarkan di kampung tersebut.



Petunjuk Kampung Sungai Kertah

Peta: Kampung Sungai Kertah, Pengkalan Balak Masjid Tanah, Melaka

Permasalahan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan pasti mempunyai permasalahan kajian. Terdapat beberapa permasalahan yang telah dialami oleh pengkaji sepanjang melakukan kajian tentang peralihan vokal dialek Melaka ini. Pertama, kajian terhadap dialek ini sangat kurang diminati oleh pengkaji tempatan untuk dikaji. Walaupun begitu, masih terdapat lagi beberapa kajian lepas oleh pengkaji tempatan yang boleh dikaitkan dengan kajian ini. Kajian terawal dialek Melaka ini adalah pada tahun 1985 di mana Asmah Haji Omar telah membuat satu kajian dialek Melaka dengan menfokuskan aspek fonologi. Selain daripada dialek Melaka, beliau juga turut mengkaji dialek Melayu yang lain seperti Negeri Sembilan, Kedah, Perak dan Kelantan. Pada tahun 1989 pula, sebuah kajian Madzhi Johari telah diterbitkan di mana kajian beliau juga menfokuskan aspek fonologi tetapi kajian tersebut adalah berkaitan dengan dialek Kuching, Sarawak.

Kedua, setelah diteliti kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati kurangnya minat para ahli linguistik untuk mengkaji khususnya fokus kajian tersebut bersangkutan dengan peralihan vokal dialek Melayu di semenanjung Malaysia. Kebanyakan ahli linguistik lebih berminat untuk mengkaji perubahan vokal di Sarawak mungkin disebabkan oleh faktor kelainan bunyi dialek Melayu di sana berbanding dengan dialek Melayu lain yang berada di semenanjung. Antara kajian peralihan vokal dialek Sarawak yang telah dikaji ialah Madzhi Johari (1988), Sharifah Raihan (2013), dan Salbia Hasaan (2015). Sepanjang meneliti kajian-kajian lepas, tiada lagi pengkaji yang melakukan kajian terhadap dialek Melaka khususnya peralihan vokal dalam aspek fonologi. Namun begitu, terdapat juga beberapa kajian lepas yang telah menjalankan kajian mengenai perubahan vokal dialek Melayu semenanjung Malaysia seperti Rahim Aman (2014) dan Nurliayana (2016). Kesemua kajian lepas yang melibatkan perbincangan berkaitan peninggian dan perendahan vokal ini telah menjadi rujukan utama dan banyak membantu pengkaji melakukan kajian yang sama ke atas dialek Melaka.

Dari sudut pemilihan informan pula, pengkaji mendapati informan sukar untuk menuturkan varian di sana pada permulaan sesi temubual dijalankan. Pengkaji beranggapan mungkin kerana faktor penggunaan bahasa Melayu Standard oleh pengkaji ketika mengajukan soalan kepada informan dan ini membuatkan mereka berasa kekok untuk menuturkan varian kampung tersebut. Walaupun dialek Melaka yang dituturkan oleh informan ini tidak kedengaran terlalu jelas, namun pengkaji tetap berjaya membuatkan informan mengeluarkan beberapa leksikal yang lazimnya digunakan oleh penduduk tetap yang menetap di sana. Permasalahan di atas tetap tidak menjadi satu kekangan buat pengkaji untuk menjalankan kajian di lokasi yang terpilih iaitu di kampung Sungai Kertah, Pengkalan Balak Melaka.

Objektif Kajian

- a) Membincangkan proses perendahan vokal depan tinggi /i/ kepada vokal /e/.
- b) Mengenalpasti proses peninggian vokal belakang /o/ kepada vokal tinggi /u/.
- c) Mengenalpasti perubahan vokal depan rendah /a/ menjadi vokal tengah /ə/ atau vokal schwa.

KAJIAN LEPAS

Kajian fonologi terhadap dialek Melayu Melaka (DMM) kurang mendapat perhatian ahli-ahli bahasa Melayu. Kajian mengenai peralihan vokal yang melibatkan perendahan vokal dan peninggian vokal dalam DMM juga turut kurang dibincangkan oleh ahli linguistik. Antara kajian fonologi DMM dan kajian berkaitan peralihan vokal yang telah dilakukan sebelum ini ialah kajian oleh Asmah Haji Omar (1985), Radiah Yusoff dan Nor Aini Ismail (1996), Adi Yasran Bin Abd Aziz (2011), Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A.H (2013), dan Rahim Aman (2013), Salbia Hasan (2015) dan Nurliayana Zainal Abidin dan Adi Yasran Abdul Aziz (2016).

Asmah dalam bukunya *Susur Galur Bahasa Melayu* tahun 1985, telah membahagikan negeri Melaka kepada tiga bahagian iaitu kawasan dialek Melaka, kawasan dialek Negeri Sembilan, dan subkawasan dialek Johor iaitu Muar-Batu Pahat. Hal ini adalah kerana Dialek Melaka merupakan sebuah negeri yang kecil dan dialek yang dituturkan saling berkait dengan negeri-negeri yang bersempadan dengannya. Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Asmah hanya secara umum iaitu mengenalpasti sistem vokal dan sistem konsonan. Vokal yang terdapat dalam Dialek Melaka dikatakan mempunyai persamaan dengan Dialek Johor yang kesemuanya adalah vokal primer sama juga keadaannya seperti konsonan. Selain perbendaharaan kata, persamaan juga terdapat pada penyebaran vokal-vokal tersebut. Asmah juga mengatakan bahawa diftong kerap berlaku dalam dialek ini. Pengguguran konsonan **r** pada akhir kata menyebabkan ia berubah kepada diftong **aw**.

Dalam kajian Radiah Yusoff dan Nor Aini Ismail (1996). Mereka ada mengemukakan proses peralihan vokal dalam artikel yang bertajuk *Gangguan Dialek di Kalangan Penutur Dialek Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia: Satu Analisis Proses Fonologi*. Proses peralihan vokal yang terlibat adalah proses penaikan vokal, perendahan vokal, pengguguran vokal, dan penambahan (epentesis) konsonan. Proses perendahan vokal merupakan perendahan vokal daripada perkataan asal. Dalam kajian yang dilakukan ini, adalah untuk melihat sama ada Dialek Utara mempengaruhi Dialek Melayu Malaysia Baku. Kajian ini telah mendapati bahawa proses peralihan vokal berlaku kepada beberapa vokal. Namun begitu, terdapat juga penambahan konsonan bagi Dialek Utara ini. Selain itu, penutur Dialek Utara ini juga cenderung untuk menggugurkan vokal pada awal kata. Walaupun terdapat proses peralihan vokal dalam pertuturan namun gangguan dialek tidak banyak ditemui dan penuturnya juga kurang menghadapi masalah untuk menguasai Dialek Melayu Malaysia Baku.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Adi Yasran Bin Abd Aziz dan rakan-rakan dari Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM mengenai *Perbandingan Aspek Fonologi Dialek Muar dan Melaka berdasarkan Teori Transformasi Generatif* pada tahun 2011. Dalam kajian ini, beliau dan rakan-rakannya telah menemukan beberapa hasil kajian. Kajian mereka bertumpu kepada rumus-rumus fonologi iaitu dari aspek Penambahan Rumus, Perbezaan Atur Rumus, dan juga Penghilangan Rumus. Hasil kajian dari Penambahan Rumus dapat dikenalpasti daripada aspek peninggian vokal dan perendahan vokal. Berdasarkan kajian yang dijalankan, tidak terdapat perbezaan antara Dialek Muar dan juga Melaka disebabkan oleh kawasan yang bersempadan yang menyebabkan dialek yang dituturkan dipengaruhi oleh kawasan masing-masing. Seterusnya, dari aspek Perbezaan Atur Rumus, dalam kedua-dua

dialek tersebut adalah /r/ akan digugurkan pada akhir kata manakala Penghilangan rumus pula dapat dilihat apabila /r/ akan digugurkan di tengah kata.

Namun begitu, berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A.H, dan Rahim Aman (2013). Kajian yang telah dijalankan oleh mereka adalah inovasi dan retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. Kajian yang dilakukan untuk melihat apakah yang berlaku dalam inovasi dan retensi Dialek Hulu Tembeling (DHT). Antara perkara yang dilihat adalah faktor bukan linguistik, pengelompokan tentatif, dan perubahan yang sedang berlaku. Sejalan dengan perkara tersebut, berdasarkan penemuan yang dibincangkan terdapat satu persamaan iaitu DHT ini tidak stabil kerana sering berlaku perubahan nasal akhir. Antaranya proses pengguguran nasal dan nasalisasi. Selain itu, mereka juga turut menemukan terdapatnya penambahan hentian glotis selepas vokal tinggi sebelum kesenyapan walaupun data amat terbatas. DHT dilihat semakin hilang ciri-ciri asli akibat daripada ketidakstabilan dialek tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Salbia Hasan (2015) yang bertajuk *Sistem Vokal dalam Dialek Melayu Kabong* mengkaji vokal-vokal yang terdapat dalam Dialek Melayu Kabong (DMKb). Kajian ini dilakukan di daerah kecil dalam daerah Saratok iaitu Kabong. Perbincangan dalam artikel ini melibatkan sistem vokal kardinal, deskripsi bunyi vokal iaitu vokal depan sempit, vokal depan separuh sempit, vokal depan separuh luas dan sebagainya. Selain itu, kajian juga menunjukkan diftong dan rangkap bunyi yang wujud dalam DMKb ini. Beliau juga menentukan fonem vokal melalui kaedah pasangan minima. Kajian yang telah dilakukan ini mempunyai persamaan dan perbezaan dengan DMK yang dikaji oleh Madzhi pada 1989.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan oleh Nurliayana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz (2016). Kajian ini memfokuskan perbandingan inventori vokal dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk melihat persamaan dan perbezaan kedua-dua dialek tersebut dalam fitur distingtif dan juga penyebaran vokal-vokal. Antaranya aspek yang dilihat adalah vokal tengah dalam Dialek Kelantan (DK) dan Dialek Negeri Sembilan (DNS). Hal ini kerana, para pengkaji fonologi dan fonologi generatif berbeza pendapat dan menolak kehadiran vokal tengah dalam dialek tersebut terutama DNS. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa vokal tengah adalah fonem dan sememangnya wujud dalam kedua-dua dialek tersebut kerana ia menepati kriteria kebolehamalan dan kealamiahannya dalam menentukan representasi dalaman.

Oleh hal yang demikian, kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh pengkaji untuk mengkaji dialek Melayu Melaka. Dengan ini, pengkaji juga dapat membuat perbandingan, menilai serta melakukan penambahbaikan dalam kajian yang ingin dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini telah menggunakan dua kaedah kajian iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan merupakan kaedah kajian yang merujuk kepada rujukan daripada buku, artikel, jurnal dan juga bahan lain seperti internet yang memberikan maklumat mengenai kajian dialek di Melaka. Manakala, kajian lapangan pula melibatkan kajian di lokasi kajian yang dipilih selain pemilihan informan, teknik pengumpulan data juga diambil kira. Selain itu,

daftar kata juga perlu disediakan sebagai rujukan ketika berada di lapangan.

Lokasi kajian adalah di Kampung Sungai Kertah, Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka. Informan yang dipilih walaupun terdiri daripada NORF, namun mereka merupakan penduduk yang telah lama menetap di tempat tersebut. Metod yang digunakan bagi pengumpulan data adalah metod cakap dan semak. Teknik pengumpulan data yang digunapakai merupakan teknik temuramah, rakaman, dan catatan bagi tujuan rujukan untuk menganalisis data. Manakala, bagi analisis data, kaedah yang digunakan adalah dengan menganalisis dan memaparkan data kerangka linguistik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan secara teoretis proses peralihan vokal yang berlaku dalam dialek Melayu Melaka (DMM). Pertama sekali, proses peralihan vokal depan tinggi yang mengalami perendahan dan kedua proses peralihan vokal belakang separuh tinggi kepada vokal tinggi seterusnya perubahan vokal depan rendah kepada vokal tengah atau vokal schwa. Menurut Asmah (1985), menyatakan vokal dalam DMM terdiri daripada /i/, /e/, /ɛ/, /a/, /ə/, /u/, /o/ dan /ɔ/.



Dalam kajian ini, berlaku perendahan vokal depan tinggi /i/ kepada vokal depan separuh tinggi iaitu /e/ di suku kata kedua atau posisi suku kata akhir tertutup yang mana ia berakhir dengan huruf konsonan. Perubahan vokal /i/ menjadi [e] melibatkan pergerakan lidah dari kedudukan tinggi kepada separuh tinggi. Posisi lidah yang tinggi diturunkan sedikit ke separuh tinggi lidah dalam kedudukan ²/₃ dari dasar rongga mulut.

Bahasa Standard	Dialek Melaka
balik	balek
adik	adek
sikit	siket

Contohnya, bagi perkataan 'balik' ini berubah menjadi [balek]. Keadaan ini dapat dilihat bahawa vokal depan /i/ berubah kepada vokal depan separuh tinggi pada suku kata akhir tertutup. Selain itu, bagi kata 'adik' dalam bahasa Melayu Standard berubah menjadi [adek] yang mana ia berlaku perendahan vokal dalam sebutan dialek Melaka. Seterusnya, bagi

kata 'sikit' dalam bahasa Melayu Standard disebut [siket] dalam dialek Melaka.

Di samping itu, berdasarkan contoh-contoh yang diberikan dapat pengkaji simpulkan proses peralihan yang berlaku. Ini menunjukkan vokal depan /i/ mengalami perendahan vokal kepada vokal depan separuh tinggi iaitu /e/ dalam pengucapan dialek di kampung Sungai Kertah Melaka. Antara contoh proses peralihan vokal /i/ kepada /e/ seperti berikut:

	BMS	DMM
[i] → [e] / K_K#	[balik]	[balek]

Selain itu, dalam Dialek Melayu Melaka, perubahan vokal lain yang berlaku dari rendah ke tinggi merupakan vokal belakang separuh tinggi /o/ yang akan berubah kepada vokal belakang tinggi /u/. Berikut disertakan contoh data yang diperoleh hasil daripada temu bual dengan tiga orang informan yang menunjukkan peninggian vokal yang berlaku dari vokal rendah /o/ menjadi vokal tinggi /u/:

Bahasa Melayu Standard (BMS)	Dialek Melaka (DMM)
polis	pulis
boleh	buleh
pokok	puko?

Berdasarkan senarai data yang ditunjukkan di atas, generalisasi yang dapat dibuat adalah vokal belakang separuh tinggi /o/ yang berada pada posisi suku kata awal akan berubah menjadi vokal belakang tinggi /u/ mengikut dialek Melayu Melaka yang dituturkan. Maklumat dalam jadual di atas menunjukkan persamaan realisasi vokal dalam dialek Melayu Melaka yang hadir sebelum konsonan /-l/ dan /-k/. Berdasarkan paparan data mengenai perubahan vokal di atas, terdapat hanya vokal /o/ yang mengalami peninggian vokal. Vokal belakang rendah /o/ pada bahasa Melayu Standard atau peringkat dalaman direalisasikan sebagai vokal belakang tinggi [u] dalam dialek Melayu Melaka.

Perubahan vokal /o/ ke [u] terhasil apabila posisi belakang lidah yang menyentuh langit lembut berubah menjadi posisi depan lidah yang menyentuh langit keras. Keadaan bibir bagi menghasilkan bunyi vokal /o/ dan [u] adalah bundar. Proses peralihan vokal /o/ menjadi vokal /u/ boleh dilihat daripada contoh seperti berikut:

	BMS	DMM
[o] → [u] / \$ K_	[boleh]	[buleh]

Daripada contoh proses di atas dapat disimpulkan bahawa wujudnya vokal belakang /o/ kepada vokal [u] di suku kata awal. Walaupun hanya terdapat beberapa contoh sahaja yang diperolehi daripada informan di kampung Sungai Kertah namun perubahan vokal ini masih wujud dan berlaku dalam DMM, disebabkan masa mendapatkan data sangat terhad berkemungkinan di kawasan sekitar yang berdekatan juga mempunyai banyak lagi perkataan lain yang mengalami perubahan vokal tersebut.

Akhir sekali, tentang perubahan vokal depan rendah /a/ menjadi vokal tengah /ə/ atau vokal schwa. Kedudukan lidah vokal depan /a/ berada dalam kedudukan yang rendah kemudian diangkat ke bahagian tengah lidah ke arah langit iaitu lebih kurang seperti kedudukan vokal separuh sempit. Hujung lidah pula diturunkan ke bawah dan bibir berkeadaan biasa. Vokal tengah mempunyai kenyaringan dan seterusnya kelantangan yang rendah. Oleh itu, dalam pertuturan kadang-kadang vokal ini sukar didengar dan di dalam pertuturan yang cepat, ia mungkin hilang langsung kerana vokal ini bersifat lemah (Nik Safiah Karim, 1988). Dalam dialek Melaka, vokal depan rendah /a/ kebiasaannya disebut atau dituturkan sebagai vokal [ə] di akhir kata. Antara contoh perkataan yang diperolehi daripada informan di kampung Sungai Kertah adalah seperti berikut:

Bahasa Melayu Standard	Dialek Melaka
Melaka	[Melakə]
mata	[matə]
apa	[apə]
kelapa	[kelapə]
lama	[lamə]
sewa	[sewə]
tiga	[tigə]
ketawa	[ketawə]

Berdasarkan senarai perkataan di atas menunjukkan bahawa dalam dialek Melayu Melaka mengalami proses peralihan vokal depan rendah /a/ kepada vokal tengah. Aspek ini memperlihatkan terdapat huruf di dalam suku kata yang telah digugurkan. Kemudian, huruf tersebut digantikan dengan huruf yang lain. Dalam proses fonologi dapat diterangkan bahawa proses ini melibatkan dua jenis iaitu pengguguran terlebih dahulu diikuti proses penggantian. Analisis yang diperolehi seperti di dalam jadual di atas menunjukkan terdapat kelainan bunyi-bunyi bahasa yang berlaku.

Namun demikian, pengkaji hanya menghuraikan tentang proses peralihan yang terjadi iaitu perubahan vokal depan rendah kepada vokal tengah tetapi tidak dinafikan bahawa proses fonologi yang berlaku itu menunjukkan keadaan perubahan yang sebenar. Antara contoh proses perubahan vokal depan rendah /a/ menjadi vokal tengah /ə/ adalah seperti yang berikut:

	BMS	DMM
[a] → [ə]/_ #	[Melaka]	[Melakə]
	[kelapa]	[kelapə]
	[ketawa]	[ketawə]

Daripada contoh proses perubahan di atas, dapat pengkaji simpulkan bahawa penutur natif di kampung Sungai Kertah akan bertutur dalam dialek Melayu Melaka (DMM) dengan menyebut bunyi vokal [a] kepada vokal tengah [ə] di akhir kata. Hal ini menunjukkan vokal tengah atau vokal schwa wujud dalam senarai fonem vokal primer dalam DMM.

KESIMPULAN

Hasil perbincangan menunjukkan vokal /i/, /o/ dan /a/ telah mengalami peralihan vokal dalam dialek Melayu Melaka (DMM). Pertama sekali, vokal depan tinggi /i/ mengalami proses perendahan menjadi vokal /e/. Vokal tinggi /i/ yang mengikuti konsonan pada suku kata kedua seperti dalam perkataan /balik/ dan /sakit/, masing-masing direalisasikan sebagai [balek] dan [saket] di mana vokal selepas konsonan itu berubah menjadi vokal separuh tinggi [e]. Selain itu, vokal belakang separuh tinggi /o/ mengalami proses peninggian menjadi vokal tinggi /u/ di suku kata pertama contohnya perkataan /boleh/ dan /polis/ dituturkan sebagai [buleh] dan [pulis] oleh tiga informan yang merupakan penutur natif di kampung Sungai Kertah. Akhir sekali, pengkaji membincangkan tentang perubahan vokal depan rendah /a/ menjadi vokal tengah /ə/ atau vokal schwa di akhir kata seperti perkataan /mata/ dan /kelapa/ direalisasikan sebagai [matə] dan [kelapə]. Walaupun dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan pendekatan secara struktural namun proses peralihan yang berlaku dalam vokal /i/, /o/ dan /a/ cuba dijelaskan dan dihuraikan secara terperinci.

Oleh sebab, kajian tentang peralihan vokal dalam dialek Melayu Melaka (DMM) ini tidak begitu dihiraukan atau kurang diberikan perhatian secara mendalam. Hal ini menyebabkan pengkaji meneliti perubahan dari aspek fonologi yang berlaku dalam DMM serta melihat ini sebagai keunikan yang ada dalam dialek itu sendiri. Kajian ini penting bagi ahli bahasa terutamanya yang mengkaji bahasa dan dialek Melayu di Malaysia. Makanya, pengkaji berharap kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan seterusnya dapat diteruskan lagi oleh pengkaji lain dalam mengkaji aspek fonologi dialek Melaka ataupun dialek-dialek lain yang kurang diterokai di Malaysia.

RUJUKAN

- Adi Yasran Bin Abd Aziz, 2011/2012. *Perbandingan Aspek Fonologi Dialek Muar dan Melaka Berdasarkan Teori Transformasi Generatif*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi :Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2016. *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Dan Mukim*.

- Madzhi Johari. 1988. *Bunyi Vokal Dialek Melayu Kuching*. Dlm Fonologi Dialek Melayu Kuching. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madzhi Johari. 1989. *Fonologi Dialek Melayu Kuching* (Sarawak). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mengantar Simanjuntak & Ramli Salleh. 1980. *Perubahan-Perubahan Bunyi Bahasa: Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Melaka* (Bahagian Akhir). Jurnal Dewa Bahasa: November hlm. 56-68.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman. 2013. *Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling*. Gema Online @ Journal of Language Studies. Vol. 13 (3) September. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. 1988. *Loghat Melayu Kelantan Suatu Cherakinan Kaji Bunyi Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2014. *Proses Pemanjangan Vokal dalam Dialek Hulu Sik Kedah: Satu Penerapan Teori Fonologi Generatif Model Non-Linear*. Jurnal e-Bangi. Vol. 9 No.2 hlm: 195-205.
- Nurliyana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz. 2016. *Perbandingan Inventori Vokal Dialek Kelantan dan Negeri Sembilan*. International Journal of the Malay World and Civilisation. Vol. 4 (2) hlm: 73-81.
- Radiah Yusoff & Nor'Aini Ismail. 1996. *Gangguan Dialek di Kalangan Penutur Dialek Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia: Satu Analisis Proses Fonologi*. Jurnal Dewan Bahasa. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka. Disember, hlm 1131-1140.
- Shahidi A. Hamid, Maslida Yusof & Nor Hashimah Jalaluddin. 2013. *Fonetik Bahasa Melayu*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2013. *Peninggian Vokal Dialek Sarawak*. Jurnal Linguistik Vol. 17 (1). hlm 1-9. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salbia Hasan. 2015. *Sistem Vokal Dialek Melayu Kabong Sarawak*. Jurnal Bahasa. Universiti Malaya.
- Zaharani Ahmad. 2000. *Pemanjangan dan Penyisipan Vokal dalam bahasa Melayu: Suatu Analisis Autosegmental*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 44(12): 1202-1221.

BIODATA PENULIS

Nursuhada Saufi, Umielmassyuria Zulkipli, Nurul Zafirah Amrah, Amirah Ayuni Muslim
& Farah Nur Amirah Hasmah,
Pengajian Bahasa Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.